



**BORANG PENYERTAAN
KEJOHANAN BOLA JARING TERBUKA
PIALA PRESIDEN
SEMPENA FESTIVAL SANDAKAN 2019**



NAMA PASUKAN : _____

NAMA PENGURUS : _____

NAMA JURULatih : _____

No. TELEFON : _____

BIL	NAMA PESERTA	NO. KAD PENGENALAN
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10		

TANDATANGAN PENGURUS PASUKAN : _____

SILA HUBUNGI

Cik PIPIEY 013-9081790

Cik ANUM 017-8905958



PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN BOLA JARING TERBUKA PIALA PRESIDEN SEMPENA FESTIVAL SANDAKAN 2019

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **Undang-undang Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (INF)** yang terkini.
- 1.2 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan serta sebarang perselisihan teknikal di dalam peraturan ini juga akan diputuskan mengikut **Peraturan Pertandingan Bola Jaring Persatuan Bola Jaring Sabah (SABANA)** dan **Peraturan Pertandingan Bola Jaring Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM)** yang terkini.
- 1.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal Bola Jaring Terbuka Piala presiden 2019 adalah **muktamad**.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

24 – 25 Ogos 2019

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Dewan Kompleks Sukan Sandakan.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan terbuka kepada semua remaja, belia dan kakitangan Jabatan Kerajaan/ Swasta/ Syarikat/ NGO.
- 4.2 Pendaftaran pemain 10 orang (7 orang pemain & 3 orang pemain simpanan), seorang pengurus pasukan dan seorang jurulatih.
- 4.3 **Hanya DUA (2) orang pemain Negeri atau Negara dari tahun 2015 - 2018** sahaja yang dibenarkan berdaftar untuk setiap pasukan. Kedua-dua pemain boleh bermain dalam tempoh satu masa permainan untuk setiap pasukan.
- 4.4 Taraf pemain Negeri adalah mereka yang pernah mewakili Negeri dalam tempoh **2015-2018** di Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan atau mana-mana kejohanan kebangsaan yang diiktiraf oleh PBJM & SABANA (**bagi kedua-dua kategori**).
- 4.5 Hanya nama pemain yang didaftarkan dalam senarai pemain sahaja yang dibenarkan bermain. **Pengurus Pasukan tidak dibenarkan bermain**. Jurulatih dibenarkan bermain tetapi nama hendaklah didaftarkan dalam senarai pemain.

- 4.6 Borang Pendaftaran pasukan hendaklah dihantar bersama yuran penyertaan Kepada Urusetia **sebelum** atau **pada 16 OGOS 2019**.

5.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 5.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 5.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan KadPengenalan. **Tambahan kepada bilangan pemain yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 5.3 Senarai pemain yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah **muktamad.**

6.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Penyertaan adalah sebanyak lima belas (15) pasukan untuk pasukan kategori wanita, maka pertandingan Peringkat Awal akan dijalankan secara Liga Satu Pusingan yang dibahagikan dalam empat (4) kumpulan iaitu Kumpulan A, Kumpulan B, Kumpulan C dan Kumpulan D.

- 6.1.1 Semua pasukan akan diundi untuk menentukan kumpulan masing-masing kerana kejohanan ini julung kali dianjurkan oleh pihak penganjur.

- 6.1.2 Pemenang-pemenang pertama dan kedua dalam Kumpulan A, B, C dan D layak memasuki peringkat Suku Akhir yang akan dijalankan secara Kalah-Mati seperti berikut;

A1 lwnC2
B1 lwnD2
C1 lwnA2
D1 lwnB2

- 6.1.3 Pemenang-pemenang dalam peringkat Suku Akhir akan memasuki peringkat Separuh Akhir seperti berikut:

A1/ C2 lwn D1/ B2
B1/ D2 lwn C1/ A2

- 6.1.4 Pemenang-pemenang dalam perlawanan Separuh Akhir akan memasuki perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan. Pasukan-pasukan yang kalah akan bermain bagi menentukan tempat ketiga dan keempat.

- 6.2 Penyertaan bagi kategori pasukan jemputan (lelaki) jika terdiri daripada lima (5) - pasukan akan dijalankan secara Liga Satu (1) Kumpulan. Manakala jika enam (6) hingga sepuluh (10) pasukan akan dijalankan secara Liga Dua (2) Kumpulan.

6.3 Sistem pemberian mata bagi pertandingan secara Liga adalah seperti berikut;

Menang	Seri	Kalah
3	1	0

7.0 MENENTUKAN KEMENANGAN BAGI SESUATU PERLAWANAN

7.1 Keputusan Seri

Sekiranya berlaku seri pada jumlah mata di akhir perlawanan secara Liga, maka keputusan perlawanan di antara kedua-dua pasukan akan diambil kira bagi menentukan pemenang, walaubagaimanapun;

7.1.1 Jika kedua-dua pasukan seri, atau jika lebih daripada dua pasukan mempunyai jumlah mata yang sama di akhir perlawanan, purata gol akan menentukan kedudukan (jumlah jaringan gol dibahagi dengan jumlah gol yang kena).

7.1.2 Jika purata gol masih seri, maka perbezaan gol akan diguna pakai (jumlah jaringan gol ditolak dengan gol yang kena).

7.1.3 Jika kedudukan masih seri, maka pasukan yang menjaringkan gol terbanyak akan diistiharkan sebagai pemenang.

7.2 Sekiranya berlaku seri semasa perlawanan di peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir;

7.2.1 Pasukan hendaklah diberi masa rehat empat (4) minit di akhir masa penuh perlawanan.

7.2.2 Masa tambahan selama dua (2) minit x tujuh (7) minit setiap bahagian akan dimainkan.

7.2.3 Pasukan akan bertukar Kawasan Gol dan perlawanan dimulakan semula oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah berikutnya.

7.2.4 Pasukan bertukar Kawasan Gol di separuh masa dengan satu (1) minit rehat. Semasa rehat sebarang pertukaran atau penggantian pemain oleh pasukan boleh dilakukan tanpa had.

7.2.5 Hantaran Tengah diambil oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah berikutnya.

7.2.6 Sekiranya berlaku seri di akhir masa tambahan, permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat dua (2) kelebihan gol,

8.0 KELEWATAN

- 8.1 Sepuluh (10) minit akan diberikan kepada pasukan-pasukan. Jika selepas Masa tersebut sesuatu pasukan tidak dapat hadir dengan sekurang-kurangnya lima(5) orang pemain, maka pasukan berkenaan dikira menarik diri daripada pertandingan. Kemenangan percuma diberi kepada pasukan satu lagi dengan pemberian tiga (3) mata dan satu (1) jaringan gol

9.0 TEMPOH PERLAWANAN

- 9.1 Tempoh perlawanan adalah secara dua (2) separuh iaitu
- 9.1.1 Bagi pusingan Liga Dalam Kumpulan tempoh perlawanan adalah tujuh (7) minit bagi setiap separuh masa perlawanan dengan masa rehat satu (1) minit.
- 9.1.2 Bagi pusingan Suku Akhir dan Separuh Akhir tempoh perlawanan adalah sepuluh (10) minit bagi setiap separuh masa perlawanan dengan masa rehat tiga (3) minit.
- 9.1.3 Bagi pusingan akhir tempoh perlawanan adalah lima belas (15) minit bagi setiap separuh masa perlawanan dengan masa rehat lima (5) minit.
- 9.1.4 Bagi pasukan kategori lelaki tempoh perlawanan adalah sepuluh (10) minit bagi setiap separuh masa perlawanan dengan masa rehat tiga (3) minit.

10.0 PAKAIAN PEMAIN

- 10.1 Setiap pasukan hendaklah memakai pakaian seragam iaitu corak, bentuk dan warna yang sama. Pakaian seragam yang sama hendaklah dipakai di sepanjang kejohanan.
- 10.2 Setiap pemain hendaklah memakai baju-T atau jersi dengan *skirt* atau *track-bottom* atau *tight*. Bloomers yang sama warna dengan skirt hendaklah digunakan.
- 10.3 Setiap pasukan dikehendaki membawa dua (2) set bib berlainan warna yang ketinggian hurufnya adalah enam (6) inci.
- 10.4 Sekiranya kedua-dua pasukan memakai bib yang sama warna, maka keputusan pertukaran bib akan dilakukan secara lambungan duit.

11.0 MENARIK DIRI

- 11.1 Menarik diri adalah tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, pasukan berkenaan Dianggap menarik diri daripada keseluruhan pertandingan dan pasukan berkenaan tidak dibenarkan lagi menyertai perlawanan seterusnya.
- 11.2 Pemain tidak dibenarkan keluar gelanggang semasa berlaku pemberhentian. Jika ianya berlaku, pasukan berkenaan akan dikira kalah dan dianggap menarik diri daripada keseluruhan pertandingan.

11.3 Tindakan disiplin terhadap pasukan yang menarik diri akan diambil oleh Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal.

12.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

12.1 Semua bantahan atau rayuan hendaklah dikemukakan oleh Pengurus Pasukan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit selepas perlawanan itu tamat.

12.2 Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan wang bantahan sebanyak RM 300.00 tunai.

12.3 Wang bantahan tidak akan dikembalikan jika bantahan atau rayuan yang dikemukakan didapati tidak wajar.

13.0 TINDAKAN TATTERTIB

13.1 Tindakan tatatertib yang diambil ialah mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (INF).

13.2 Seorang pemain yang diarah keluar gelanggang dan tidak dibenarkan meneruskan permainan adalah dengan sendiri digantung bermain dalam perlawanan berikutnya sehinggalah Jawatankuasa Tatatertib telah mengambil tindakan sewajarnya.

14.0 JURI RAYUAN

14.1 Juri Rayuan terdiri daripada lima (5) orang yang dilantik oleh Persatuan Bola Jaring Sabah iaitu;

14.1.1 Pengerusi terdiri daripada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

14.1.2 Ketua Delegat Teknikal

14.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat.

14.2 Juri Rayuan akan bersidang dalam masa **dua (2) jam** setelah menerima bantahan atau rayuan dan akan menyampaikan keputusan kepada Jawatankuasa Pertandingan untuk diumumkan.

14.3 Keputusan Juri Rayuan adalah **muktamad**.

15.0 HADIAH-HADIAH

JOHAN	:	TUNAI RM1000.00 & MEDAL & SIJIL
NAIB JOHAN	:	TUNAI RM750.00.00 & MEDAL & SIJIL
TEMPAT KE 3	:	TUNAI RM500.00 & MEDAL & SIJIL

16.0 Sijil Penyertaan akan diberikan kepada semua pasukan.